

LAWATAN BAKAT INSMAT KE MELAKA



airforce.mil.my/arkib/arkib/26-bakat/2315-lawatan-bakat-insmat-ke-melaka

INSMAT, 19 Ogos 17 – BAKAT Institut Latihan

Pengurusan Materiel (INSMAT), TUDM Kinrara telah menganjurkan lawatan sehari ke Melaka yang diketuai oleh Pengerusi BAKAT INSMAT bersama 30 orang ahli BAKAT INSMAT beserta keluarga.

Antara tempat yang dilawati adalah Pusat Tenunan & Batik di Duyung dimana para rombongan diberikan taklimat dan demonstrasi berkenaan proses menghasilkan Tenunan dan Mencanting Batik.

Sempena bulan kemerdekaan, rombongan juga berpeluang melihat lebih dekat pameran sejarah berkisarkan kemerdekaan Malaysia di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Bandar Hilir.

Hasil dari lawatan sehari ini sedikit sebanyak dapat memberikan pengalaman baru disamping dapat memupuk semangat kecintaan kepada negara.

